

## TRANSKRIPSI SESI TEMURAMAH SEJARAH PENUBUHAN USIM

**Tokoh:** Puan Nor Azzah Momin

**Jawatan:** Timbalan Ketua Pustakawan (2000 – sekarang)

**Tarikh temuramah:** 23 Mac 2010

**Penemuramah:** Harianti Husain (Pustakawan)

.....

**Harianti:** Assalamualaikum w.b.t.

**Pn Nor Azzah:** Waalaikummussalam w.b.t

**Harianti:** Okay, terima kasih kepada Puan Azzah kerana sudi meluangkan masa aa bagi temuramah ini. Okay, tujuan temuramah ini adalah untuk mengumpul maklumat mengenai sejarah penubuhan universiti. So aa Puan Azzah adalah seorang staf terawal di perpustakaan so kami akan menemuramah untuk menyintip aaa sedikit sebanyak pengalaman Puan Azzah semasa bertugas disini. Okay boleh tak puan ceritakan latar belakang pendidikan serta kerjaya sebelum bertugas di KUIM?

**Pn Nor Azzah:**

Okay, *actually* saya pada awalnya saya buat aa sarjana muda pengajian Ilmu Wahyu dan Warisan Islam di UIA, *grad* tahun 1996 aa lepas tu saya sambung belajar di UiTM Shah Alam aa mengambil diploma lepasan ijazah Sains Perpustakaan aa dan selepas tu *Master of Science* dalam *Information Management* dan *grad* tahun 2003, yang itu saya ambil sambil bekerja di USIM lah. Sambil kerja di KUIM, saya *start* tahun 2000 dan habis tahun 2003. Makna yang itu secara aa jarak jauh. Okay, aa kerjaya saya sebelum saya kerja di KUIM, aa lepas *grad* tahun 1997, saya kerja di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), ditempatkan di Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam sebagai penolong pegawai perpustakaan di Unit Seranta. Aaa dan yang kat situ selama 3 bulan, Julai tahun 1997 sampai September 97 dan selepas tu saya pindah ke Kolej Yayasan Pelajaran MARA, Bangi sebagai *executive* perpustakaan. Dekat situ memang ada seorang sajalah pustakawan. Jadi saya dekat situ dari tahun 1997, September selama 3 tahun sampai September tahun 2000. Selepas itu saya pindah ke KUIM tahun 2000, 18 haribulan 9 tahun 2000 ya saya masuk ke KUIM lah. Aaa okay, tentang macam mana saya tahu ada kekosongan di KUIM aa melalui surat khabar, ada iklan. Masa itu sebab ambil borangnya di UKM, so saya *expect* aa KUIM tu di UKM jadi tak jauh diri masa tu saya tinggal dekat Kajang jadi ingat tak jauh lah dan lepas masa *interview* baru tahu kata dah pindah ke IPB tapi *Alhamdulillah* lah pindah ke IPB pun tak ada masalah lah, dari Kajang memang agak jauhlah tapi so *far* okaylah.

**Harianti:** Okay masa, saya rasa saya ingin tambah semasa *interview* itu, ada berapa calon dan siapakah yang menginterview?

**Pn Nor Azzah:** Yang menginterview, masa tu ada 4 orang calon. Aaa, *basically* agak yakin juga boleh dapat sebab yang lain tu agak *junior* dan *base on* pengalaman, nampak agak tua daripada yang lain lah. Aa masa *interview* yang ada aa, siapa ya, Prof Dato' Abdullah Md Zain sebagai ketua *interviewer* nya. Aa Puan Rohani, Bendahari dan Tuan Haji Addenan. Aaa dia punya pegawai masa itu Cik Wan Fariza Alyati lah yang sekarang pun dah tak ada di USIM kan. Jadi masa itu, itulah 4 orang sahaja dia punya *candidates*. Antara yang ditanya itu memang samaada boleh tak untuk manage perpustakaan walaupun masa itu ketua pustakawannya tidak adalah. Jadi *basically* masa di yayasan MARA memang saya seorang-seorang pun, memang tidak ada orang lain, jadi kebanyakan keputusan kita yang kena buat dan memang terlibat dalam mesyuarat pengurusan kolej, jadi saya rasa macam tidak ada masalahlah bila pindah di, kalau dilantik di KUIM pun walaupun masa itu Ketua Pustakawan tidak ada.

**Harianti:** Boleh tak puan cerita pengalaman pertama semasa mula-mula masuk bertugas di KUIM, bagaimana suasana, bagaimana pengalamannya.

**Pn Nor Azzah:** Okay, aaa pengalaman masa masuk ke situ untuk kali pertama aa *basically* taklah terkejut sangat dengan situasi dekat perpustakaan itu sebab itu yang ada bertugas 3

orang. Tuan Haji Anas, Cik Wan Azura masa itu cik lagi lah kan, okay dengan En Irwan Effendi yang sekarang dah pindah ke Bahagian Akademik. Jadi yang ada diorang 3 orang jelah. Aaa, meja pun dekat-dekat, kita orang duduk sebelah-sebelah macam tu jadi nampak tak ada *gab* sangat. Aaa, sebab masa saya di Kolej KYPM pun memang tak ramai, cuma ada beberapa orang staff, jadi okay jelah dengan situasi tu. Dan dengan keadaan ofis yang tak besar sangat, memang ada 4 meja, 1 bilik untuk Ketua Pustakawan yang tak ada lagi. Aaa, dah ada dah masa tu rak-rak buku, buku pun dah ada yang dah naik ke rak. Cuma ada, sebab tempat tak cukup, memang letak kotak-kotak atas lantai. Ada kaunter pinjaman semua ada, memang kalau tengok, kalau pernah tengok gambarnya memang agak *daif* lah *compare* dengan sekarang. Aaa tapi masa tu memang perkhidmatan pinjaman apa memang tak buat lagi, *basically* memang kita tidak mulakan perkhidmatan lagi pun pada pelajar. Masa itu cuma kita buat operasi proses buku, pasanag label, tampal. Kita buat *call number* pun kebanyakannya kita berpandu pada aa apa ni, katalog Utah, *University of Utah*, yang Tuan Haji bawa dari UKM. Dia *photostat* semua, dia siap *binding* kan, dia bawa semua dari UKM. Banyak borang-borang itu semua kita ikut kebanyakannya dari UKM lah. Sebab Haji Anas bawa panduan itu, dan saya pulak bila dating, saya bawa dari UPM, Universiti Putra sebab pernah praktikal dekat situ. Jadi macam aa bila *first day* itu yang mula-mula saya buat, saya *order* majalah daripada syarikat Rima Enterprise yang memang saya pernah *deal* dekat Koley YPM. Jadi yang *first* majalah yang kita langgan tu ada 15 *title*, kebanyakannya majalah dalaman jelah. Jadi sebab kita tengok bajet masa tu ada, dalam 400 ribu diorang

peruntukkan, jadi tak ada masalah sangatlah, maksudnya dia boleh berjalan untuk buku tak banyak. Aaa yang buku paling terawal tu kalau tak silap saya jumlahnya dalam 5000 naskah. Aaa yang itu memang Dato' Rektor sendiri, aa yang itu memang Dato' Rektor sendiri order *direct* daripada Darrul Syakir. *Basically* macam apa yang ada dekat kedai tu bawak,aa maknanya sebab baru nak *start* perpustakaan, jadi tidak ada nilah, tak ada apa orang kata, masalah buku *duplicate* ke, dah ada *title* ke, jadi semua memang dibawak dari sana. Aaa dari Darul Syakir dia bawak, aa majalah memang tak ada lagilah setakat tu, jadi baru *start* aaa bahan-bahan macam multimedia semua pun memang,, rak multimedia pun kita tidak ada lagi so dia memang semua orang kata baru nak mulalah.

**Harianti:**

Tadi puan ada ceritakan yang pada masa tu operasi perpustakaan masih peringkat dalaman dan *students* masih belum aa access ke perpustakaan, so bila aa *students* boleh masuk menggunakan untuk menggunakan perkhidmatan perpustakaan?

**Pn Nor Azzah:**

Okay, *actually* lepas saya masuk kerja 18 September, hari kedua tu Dato' Rektor panggillah, aa itu antara cabaran yang pertamalah kiranya. Aaa masuk, Dato' Rektor panggil ke *office* dan dia serahkan memang banyakkah katalog buku yang dia dah dapat sebelum ni daripada pembekal-pembekal lain, so dia bagi tinggi jugalah dia kata,'okay yang ini you ambil' kalau dia nak order lagi kan. Lepas itu dia minta saya buat majlis pembukaan perpustakaan secara rasmi dalam tempoh dua hari, makna dia panggil

saya tu tarikh 19 September, 21 September tu dia suruh buat majlis pukul 10 pagi. Jadi masa tu panggil *students-students*, masa tu memang *first batch* kan, panggil *students*. So bermula daripada itulah, jadi masa tu Dato' bagi ucapan, apa harapan dia, *students* gunakan perpustakaan apa semua. Bermula dari itu kita buka perpustakaan, memang meja-meja bacaan semua dah *ready*. Aaa saya rasa meja bacaan masa tu kita pinjam dari IPB, bukan kita punya pun. *Even* rak buku apa ni, rak tu kita punya, dia punya apa, kaunter tu memang kaunter IPB punya sebab dia memang *bill in*, jadi memang dah ada lah dekat situ. Ia mula daripada, kiranya 21 September itulah perpustakaan buka tapi cuma untuk rujukan sahaja, aa pinjaman tak boleh. Jadi aa saya tak ingat tarikh sebenar bila kita *start* buat pinjaman tapi *basically* masa awal sebab buku kita tak banyak, jadi 5000 kalau kita bagi pinjam nanti tak cukup apa semuanya, jadi kita tak bagi pinjam lah. Lepas tu saya rasa mungkin dalam tahun selepas tu macam itulah baru kita mula bagi pinjam.

**Harianti:**

So macam mana pengalaman puan dengan *student batch* pertama?

**Pn Nor Azzah:**

*Basically* sambutan okay, dari segi sambutan, diorang gunakan perpustakaan, masa tu kita pun memang pakai kad katalog so kalau nak cari memang susun diatas dekat situ, aa susun dekat kita punya meja, letakkan untuk diorang punya *reference* kalau ada yang nak tanya ke apalah. *Even* masa tu pinjaman pun kita masih pakai kad pinjaman dan pakai borang apa semua so kita letak atas meja tu.

Aaa *basically* dari segi guna untuk rujukan apa semua tu aa biasa diorang pakailah. Ramai tu agak okay lah sebab masa tu perpustakaan kecil kan jadi kalau yang datang tak berapa ramai sangat pun, diorang masa tu pun 200 lebih je rasanya, jadi yang datang tu orang kata okaylah. *Time* rehat ke diorang datang baca majalah, itupun lepas baca ada majalah itu kita anjak sikit kita punya *office*, bagi ruang untuk diorang baca surat khabar, baca majalah apa semua kan. Dari segi sambutan Alhamdulillah lah, okay diorang punya ni, penggunaan tu okay.

**Harianti:**

Okay, mula-mula masuk ke KUIM, apakah kiranya tugas utama ataupun fokus puan terhadap aa perpustakaan. Apakah matlamat puan terhadap perpustakaan untuk memajukan taraf perpustakaan.

**Pn Nor Azzah:**

Ahaa. Okay, aa satunya sebab masuk ke KUIM pun sebab dia kolej universiti islam tu memang yelah so kita rasa kita memang bantu orang islam, bantu orang melayu, anak-anak melayu, so memang tak jauh beza masa kat kolej YPM pun *basically* orang melayu jadi memang niat tu pindah memang dapat kerjaya yang lebih baik daripada dekat kolej YPM sebab penolong pegawai jadi gaji tu lebih rendah jadi masuk ke KUIM tu *better* lah. Jadi dari segi matlamat tu dan rasa teruja sebab pustakawan pertama sebab masa tu tak ada pustakawan lagi. So orang kata rasa aa apa ni, kita boleh meletakkan apa yang kita nak dan even masuk En Jasmin, perbincangan tu orang kata lebih rapat. *Even* bila nak masuk pegawai baru pun ada perbincangan apa semua, *discuss* nak yang macam mana, apa nak buat polisi

apa semua. Dia hubungan tu agak rapatlah, *even* dengan staf-staf yang lain selain dari perpustakaan pun hubungan kita rapat. Dengan bahagian akademik, bendahari pun cuma satu *level* jadi kalau apa-apa nak tu boleh terus aja kan. Jadi macam Dato' pun memang dia *direct* dengan kita, apa yang dia nak, dia nak macam mana apa semua jadi *even* sebenarnya, objektif perpustakaan apa semua tu aa memang macam ditetapkan oleh bahagian pengurusan sendiri nakkan jadi *digital library* apa semua tu bukan *basically* bukan aa saya tak pasti, mungkin En Jasmin terlibat dengan perbincangan tu tapi saya sendiri bukan, bukan sayalah yang detak dia untuk jadi *digital library* ke apa tu. Tapi bila dia dah ada kita rasa macam tidak ada masalah lah untuk kita *support* dan sekarang pun kita dah *start* kan. Jadi *basically* aaa dari segi, kalau boleh memang nak dia jadi hebat macam universiti lainlah, cuma macam perkembangannya mungkin agak *slow* sikit. *Even* macam tahun pertama je kita punya buku tu banyak, 5000 datang dan tahun-tahun selepas tu dia agak menurun sebenarnya dengan bajet yang tak berapa.. bajet tu tak berapa cepat dia naik, jadi yelahkan, buku makin mahal lepas tu kita dah start beli buku-buku selain buku arab. Buku arab memang murahlah, jadi dengan bajet 400'000 tu kita dapat banyak. Jadi bila start dengan buku agak mahal apa semua tu, dia agak perlahan-lahanlah aa, terutama bila kita dah start langgan jurnal apa semua, jadi yang tu... tapi Alhamdulillah lah setakat ini rasanya aa berkembangnya tu kita pun dengan berpindah apa semuanya, nampaklah perkembangannya tu kita boleh tengoklah dekat situ. Sampai sekarang rasanya, insyaallah lah. Hahahaha (Ketawa)

**Harianti:**

Bagaimana pula puan, dengan bajet yang agak terhad dan staf yang agak kurang, apakah cabaran dan rintangan yang dihadapi ketika bertugas ketika itu dan bagaimana puan mengatasi?

**Pn Nor Azzah:**

Okay, aaa dari segi bajet tu memang orang kata tak beberapa banyak aaa compare dengan orang lain cuma kita banyak beli buku Arab tidak beberapa terkesan pada peringkat awal lah tapi sekarang ni orang kata effect juga lah masa tu dengan bajet sebanyak tu kita rasa kita dapat buat banyaklah kita rasa masa tu sebab student tak ramai jadi aaa lepas tu cuma dia payah sikit sebab kita mula banyak dari kosong jadi macam macam mana kita nak mula la sebagai yang first lepas tu bila En. Jasmin dah masuk pun kira kita mula tu dari kosong, kita takda sistem, kita semua rekod-rekod perolehan buku kita pakai buku besar, saya tak tahu buku tu masih ada ke tak tapi memang semua kita tulis tangan rekodkan satu-satu. Lepas tu kita start ada sistem perolehan tu tak lama lah tahun kedua macam tu masa kita pindah kat Pandan tu kita dah start ada sistem perolehan yang Pn.Noraini buat tu jadi dah agak stable sikit lah dan masa tu kita dah start aaa apa ni pesanan buku pun kita ikut stail UPM satu buku satu slip semua lah. Di peringkat awal semua secara biasa jelah semua cara manual sebab takda sistem kan. Aaa kebanyakan nya start dari zero lah macam visible index untuk majalah kita buat dia, kita print sendiri buat kita copy daripada macam mana yang ada standard yang memang diguna kat perpustakaan lain kita buat sendiri kotak, pakai word aaa pastu start kita sendiri masukkan dalam fail. Jadi banyak dari kosong lah macam bila kita nak buat pinjaman

kan, macam mana polisi nya macam mana kita nak, aa cukup ke tidak, lepas tu apa perkhidmatan yang kita boleh offer kan. Jadi banyak benda susah dari segi sebab kita nak first kan cuma mungkin En. Jasmin dah banyak dia punya pengalaman kat tempat lain dan saya pon based on pengalaman kat Kolej YPM lah apa yang kita buat cuma masa kat YPM tu dulu sebab dah ada orang mula jadi saya cuma teruskan. Yang ni, sebab dekat USIM, aaa start dulu masa KUIM memang takda sapa start kita takda mula lagi dengan pembekal yang banyak kita takda buka track tu orang kata baru nak di buka jadi agak ni sikit lah tapi aaa mesyuarat jawatan kuasa perpustakaan pun kita dah ada jadi untuk beli buku apa semua. Masa dulu semua pembelian akan disemak kat jawatankuasa perpustakaan jadi dia agak lambat dekat situ lah. Dan kita takda sistem yang memang kita boleh semak dah ada ke belum apa semua kan. Jadi kita terpaksa semak kadang tu beberapa kali, masuk mesyuarat berkali-kali, aaa pastu baru nak dibeli ia agak lambat sikit kat situ lah. Kita tahu buku Arab kita pun tahu masalah dia kan jadi macam kita dah pesan rupanya tajuk sama kan, tajuk sama tapi penerbit tak sama. Masalah-masalah macam tu lah dan kita bila nak start dengan jurnal-jurnal yang baru apa semua, kita terpaksa mula dari zero lah sebab kita belum ada kan masa tu.

**Harianti:**

Okay puan, boleh kongsi bersama pengalaman pahit dan manis yang tak dapat puan lupakan masa puan mula mula bertugas di IPB Pandan sebab puan salah seorang aaa apa, staf perintis.

**Pn Nor Azzah:**

Pahit, so far tak da lah orang kata yang pahit saya rasa tak da kot, banyaknya saya anggap benda tu manis lah pahit saya rasa takda lah orang kata yang sampai menangis ke apa semua tu tak da. Bendanya banyak macam kita teruja benda tu baru, macam kita start kat situ kan kosong pastu bila start pegawai datang macam pegawai-pegawai baru datang, kita masa tu baru kita adjust-adjust meja nak bagi boleh muat orang baru pulak, lepas tu kita duduk sebelah-sebelah dengan orang lain pun jadi sebelah-sebelah aaa benda tu jadi macam seronok sebab kita rapat apa semua lah lepas tu bila kita pindah dekat Pandan, yang tu mungkin agak...sebab kita tak da pengalaman pindah tapi sebab kita ada Hj. Anas so masa tu pun kita tak la terasa macam susah ke apa sebab Hj. Anas dia dah ada dah macam mana nak pindah ok turunkan dari belakang, masukkan dari depan. Jadi benda tu secara tak langsung sebenarnya kita ada sistem aaa macam mana nak pindah, macam mana nak susun apa semua kan, jadi banyak membantu lah. Hj. Anas sebenarnya banyak membantu dari segi pengalaman dekat UKM tu memang kita pun agak mudahlah bila macam tu walaupun staf masa tu rasanya masa pindah batu berapa orang ye, tak sampai dalam 10 orang macam tu agaknya kan. So, pindah kesana yang agak mencabar bila pindah kebangunan baru, bangunan kat Pandan tu sebab dia adalah blok-blok office, office-office so macam mana kita nak control tak bagi banyak pintu kan jadi perbincangan dengan bahagian pembangunan dengan pihak bendahari memang agak payah jugak sebenarnya sebab nak buat kotak apa lubang-lubang tu, lepas tu kita nak agak macam mana apa kat mana rak kat mana dia punya meja-meja kita nak lock pulak setiap pintu kan jadi dia jadi banyak kerja la lepas tu macamana nak control

orang kat mana ruang ofis kat mana apa ruang-ruang yang lain dan masa tu pun actually aa kita ada satu lagi tugas tambahan kita kena handle unit penerbitan masa tu sebab masa tuh unit penerbitan tak ada jadi saya ingat antara kerja yang saya kena buat bila unit penerbitan ada tu aa saya kena handle lah sebab Encik Jasmin sebagai setiausaha Jawatankuasa Penerbitan so saya pegawai dia yang kena buat disamping buat tugas perkhidmatan. Jadi tu pun benda baru jugaklah yang kita kena orang kata baru nak venture kita tak pernah ada pengalaman. Sempat jugaklah terbitkan buku yang pertama aa lepas tu buku Tan Sri sempatlah saya 3 buku macamtu lah. Dan kita ada staf lain yang tolong yang memang banyak buat kerja-kerja part time contract la masa tu memang tolong buat penerbitan. Jadi masa tu aa walaupun agak sukar kan dengan apa tapi kita rasa seronokla la so far takdela yang rasa pahit tu takde kebanyakannya benda baru kita akan dapat pengalaman baru pengalaman baru bila kita ada sistem ok something new lagi. Bila kita start tukar yang baru cuma kadang-kadang masa tu kita tak aware sangat yang setiap benda yang kita buat itu nak kena ada polisi nak kena ada..cuma Encik Jasmin memang tekankanla ok yang ini apa polisinya..kena bawak ke meeting. Kalo kita perasan sebenarnya bila setiap kali meeting tu ada benda baru yang kita bawa cuma dari segi dokumenkan tu mungkin kita kurang la apa sebenarnya dasar yang kita dah buat dalam meeting ni sebenarnya kita ada buat polisi ni, meeting ni polisi ni. Jadi setiap satu tu sebenarnya agak orang kata tersusun jugak dia punya ini cuma kita tak dokumenkan secara..ok dasar ni pada tahun bila cuma bila kita nak rekod rasanya 2 3 tahun lepas baru kita semak balik semua minit-minit jawatankuasa perpustakaan baru kita

jumlah oh kita pernah ada benda tu aa tapi kite tak perasan mungkin kan. Tapi sepatutnya dari dulu la memang kita simpan contoh borang-borang yang kita pakai rasanya kalau benda-benda itu di simpan nampak lagi orang kata lagi menarik la bila nak buat sejarah macamni kan. Tapi so far benda itu saya anggap banyak yang manis la kita punya pengalaman bila join hari kemerdekaan kan bila join majlis hari raya benda tu dari segi hubungan tu rapatlah dan bila kita berkembang kita orang kata macam menjajah tau satu satu ada ruang kosong yang tu kita ambil ruang tu lagi. Dan lama-lama kat Pandan tu awalnya satu baris tu last last kita ambik satu part satu part dan dari separuh tuh last-last semua jadi perpustakaan punya bahagian, yang sebelah lagi bendahari. Sebab kita ada bilik 24jam yang student boleh guna, kita ada ruang terbitan bersiri yang agak luas. Cuma aa orang kata bila makin ramai makin ramai tu kita start ada mungkin ada masalah ke apa yang bila tak ada rekod kan secara baiklah benda tu. Tapi basically ntah pengalaman pahit tak ada lah, manis semua..ok.

**Harianti:** Apakah unit-unit awal dan fungsi-fungsinya diawal penubuhan perpustakaan.

**Pn Nor Azzah:** Masa awal tak ada unit-unit. Sebab macam saya, saya buat semua. Saya buat katalog, saya buat perolehan, saya uruskan majalah, saya jugak yang tengok perkhidmatan sebab masa tuh tak ada. Cuma bila Puan Marhaniza masuk tahun 2001 aaa masa tu kami pecahkanlah tapi basically kami masih buat kerja yang sama. Aaa maksudnya

perolehan kami masih buat sama-sama buat, saya tak ingatlah kami ada pembahagian tu. Tapi basically aa kebanyakannya kami masih tengoklah maksudnya macam buat perolehan sama-sama buat perolehan. Katalog aa dua-dua buat catalog. Jadi macam aa apa ni Haji Anas pun buat katalog jugak sebab dia boleh guna UTAH tu dan dia ada keupayaan untuk buat sebelum tu pun banyak yang dia buat cuma kita start buat benda baru benda baru kita nak rekod semua. Aaa pada awalnya tak ada unit-unit la. Bila kita pindah dekat Pandan pastu Puan Hasmida masuk aa then baru kita start kita ada unit perolehan, kita ada unit katalog, Lepas tu kita ada bahagian perkhidmatan. Bahagian perkhidmatan ni untuk unit sirkulasi kita panggil bahagian perkhidmatan pengguna. Lepas tu kita ada unit terbitan bersiri. Tapi peringkat awal tahun pertama, kedua, ketiga kita tak berapa pecah sangatla sebenarnya. Kebanyakannya buat semua. Saya rasa tahun ketiga tu kot, tahun 2000 2001 tak ada unit-unit yang spesifik. Sebab saya 2 orang je. Jadi kebanyakannya kami buat sama-sama. Even staff pun aa adalah bagi tugas macam orang ni buat katalog buat perolehan yang orang ni aa untuk tugas kaunter tapi dari dulu memang dari segi tugas kaunter sebab Encik Jasmin suka supaya semua orang terlibat tugas kaunter. Jadi basically semua orang terlibat jadi tak adalah banyak sangat dia punya ni aa pembahagian cuma adalah yang unit servis. Lepas tu masuk tahun 2002 2003 Encik Sani masuk aa baru kita memang betul-betul pecah lah ada terbitan bersiri. Ada bahagian perkhidmatan pengguna saya dekat situ buat pinjaman aa jaga kaunter apa semua kan yang perolehan dengan katalog tu basiacally dia orang buat tapi macam duat-dua pun buat juga catalog aa macam tu. Jadi tak

ada banyak kerja yang kita buat sama-sama lah. Sebab mungkin dari segi kuantitinya tak besar, jadi aa sikit-sikit tu orang ni buat sikit orang tu buat sikit macam tu lah.

**Harianti:**

Ok. Kita tengok kepada perkembangan perpustakaan pada perspektif daripada Puan terhadap perkembangan perpustakaan daripada awal penubuhannya sehingga sekarang ini.

**Pn Nor Azzah:**

Ok. Macam mana nak cakap eh (ketawa). Ok. Aaa contradict (ketawa). Kalau dari segi personal lah saya rasa so far dia perkembangan dia tu ok lah cuma orang kata mungkin agak perlahan aa saya tak pastilah univeristi yang lain macam mana tapi saya rasa sebab asalnya perpustakaan tu ditubuhkan tak ada pustakawan ok macam pada pandangan saya umm secara peribadinya patut ada ketua pustakawan tu awal macam kita ada pendaftar dan bendahari juga. Jadi baru perancangan perpustakaan tu boleh dibuat dari awal lagi lah. Aaa tapi aa basically macam kita punya Dato' Rektor pun dah aa apa ni rancangan maksudnya dia tak tinggalkan perpustakaan walaupun masa tuh kita tak ada pustakawan jadi dari segi order buku apa semua tu memang dia dah jalankan lah dah order, bendahari pun dah bagi bajetnya so maknanya tak dilupakanlah. Aaa cuma lepas tu perkembangannya agak aa bajet tu agak slow sebab mungkin aa kita ikut satu masa tu kita ikut aa kita ada setiap satu fakulti tu aa 200 000 jadi lepas tu start kita ada 3 fakulti 600 000 kita ada 4 fakulti 800 000 sedangkan benda tu sebenarnya tak berapa cukup. Jadi aaa dari segi

perkembangan tu macam bajet slow jadi bila macam tu kita punya perkembangan koleksi kita agak slow la. Sebab tu kita dah 10 tahun kita punya koleksi 50 000 jadi basically 5000 je setahun sedangkan kalau di universiti lain setahun tu 20 000 jadi kita ni jauhlah. Aaa bila macam tu kita agak aa sebab tu macam student komen kekurangan buku kekurangan buku. Mungkin kita rasa macam actually buku kita dah banyak tapi ada sebahagian yang kita masih tak dapat penuh lagi. Lepas tu perkembangan dari sudut system saya rasa yang itu kita tak ada masalah. Sebab so far kita go macam lebih kurang sama level dengan perpustakaan lain maksudnya apa yang diorang ada kita ada dan ada yang dia orang tak ada pun lagi kita dah ada. Dari sudut staffing pun kita lambat. Aaa 10 tahun mungkinlah orang kata baru 10 tahun kan tapi macam actually kita dah perlukan lebih sebab aa dari Pandan kita pindah ke bangunan lama aa bangunan sementara hari tu kita one floor jumlah staff kita ramai ni dan bila kita masuk ke bangunan ni 4 tingkat pun kita masih dengan jumlah kakitangan yang sama sedangkan kita dah kena manage ruang yang lebih besar, perkhidmatan yang lebih banyak jadi sepatutnya kita punya dari segi staffing tu sepatutnya dah bertambahlah. Kita pun ada cawangan kat Pandan kan jadi yang tu macam agak aa perlahan sikit lah. Tapi dari sudut kita punya aa koleksi macam dia berdasarkan bajet aa dari sudut perkembangan fizikal nya saya rasa yang tu kita bila kita dapat bangunan baru memang agak drastic lah perkembangan fizikal dan saya terlibat secara langsung dengan pembinaan basically daripada tahun 2003 kita dah start dah apa ruang yang kita nak ada kan aa macam masa kita dari aa IPB lah bila nak pindah ke Pandan kita dah start apa ruang yang kita nak ada, apa

ruang yang kita tak nak. Lepas tu berapa luas, berapa banyak kan. Lepas tu kita nak pindah ke sini pun macam tu juga. Jadi saya dah terlibat daripada awal untuk apa ni apa ruang yang kita nak berapa besar, kita aspect apa yang ada, berapa ramai staf yang kita akan ada. Luas ruang dia. Jadi macam sebab tu kita dapat bangunan sebesar ni masalahnya kita dapat bangunan kita tak dapat staf. Aaa jadi bila macam tuh dia jadi tak agak tak stable lah. Cuma memanglah kalau ikut perancangan kita tu by tahun 2020 kita akan dapat aa apa ni pegawai seramai sekian dengan staf seramai tapi benda tu tak ikut macam tak mengikut apa yang kita rancang. Jadi macam kita expect sekarang kita ada pegawai seramai berapa ramai tapi sebenarnya kita tak dapat. Jadi bila macam tu kita punya agak terjejas lah dari sudut kita punya perancangan, kita nakkan kita punya koleksi banyak mana, perkhidmatan kita banyak mana. Yang tu tak berapa tercapai sangat la. Sepatutnya saya rasa kita dah tak ada masalah sebenarnya dan kita dah banyak even kita boleh refer pun bahagian-bahagian lain kan dari sudut kita pernah ada pengalaman daripada aa apa ni dulu kita pernah ada cawangan kat Bangi kan, bila FST kat Bangi. Kita dah pernah ada cawangan kat sana. Lepas tu kita ada cawangan sekarang perubatan dan kita ada juga koleksi undang-undang yang kita khas ada khas kan dia punya bahagian. Jadi aa apa ni kita expect lepas ni dia akan berkembang pula jadi satu perpustakaan undang-undang sendiri lah. Kalau perpustakaan perubatan tu boleh berkembang lagi dengan adanya pegawai lain apa semua. Saya rasa dia akan jadi lagi baik lah. Setakat yang sekarang pada saya secara peribadinya agak perlahan mungkin sebab kita tak cukup tak cukup pegawai lah aa tapi saya rasa yang ada

ni pun dah try very hard untuk buat. Mungkin cuma nak kena tingkatkan lagi usaha tu lah.

**Harianti:** Apakah peristiwa-peristiwa bersejarah yang berkaitan dengan perpustakaan yang perlu dan ingin ditonjolkan.

**Pn Nor Azzah:** Peristiwa bersejarah. Alamak aih (ketawa). Ok yang bersejarah dia dari segi perpindahan tu memang satu lah. Aaa saya rasa memang ada yang macam terutama majlis pembukaan perpustakaan secara rasmi tu. Cuma silapnya masa tu memang tak ada orang ambil gambar (ketawa). Tak ada orang yang rekodkan. Actually ada juga saya catat apa yang Dato cakap tetapi lepas tu dah tak jumpa kat mana catatan tu. Jadi kita tu yang saya cakap tadi dokumentasi kita agak aa orang kata very bad la dulu kan. Jadi kita tak rekodkan. Aaa lepas tu bila kita ada system perolehan yang tu pun kita tak catitkan pun bila kita start guna system perolehan tu. Aa jadi bila ada system perolehan kita punya system tu dah agak berjalan ok dan masa tu kita punya perhubungan tu ok lagi lah. Aaa dari sudut lain bila kita ada system keselamatan kan kita ada system VIRTUA dulu tahun dalam tahun 2000 aa 2005 2004 2005 kan VIRTUA 2005 . Lepas tu kita ada system keselamatan dalam tahun 2007 macam tu kan. Jadi yang tu antara yang memang perlu dihighlightlah. Dari segi dan terutamanya bila kita pindah ke bangunan sini yang bestnya tarikh kita buat majlis baca yasin tu sama tarikh dengan birthday Encik Jasmin 17 Disember tahun 2009 ee 2008. Yang tu saya rasa memang moment yang agak orang kata lepas kita baca yasin kita rai pula pulak birthday Encik

Jasmin kan. Jadi yang tu agak orang kata memang something yang big untuk kita ingat aaa terutama bila kita dah start nak berkembang berkembang lagi mungkin benda tu kita bukan setakat ingat untuk orang kata benda tu moment yang aa apa ni menarik untuk kita ingat la tapi saya rasa sebab kita nak kena belajar sebenarnya disebalik kita pindah tu aa bila kita pindahkan kotak-kotak tanpa ada lif masa tu, terpaksa naik sampai tingkat 4, nak uruskan barang sendiri kan tak ada lif jadi benda-benda tuh sebenarnya pengalaman yang katalah lepas ni kita perlu ada pindah katalah koleksi undang-undang kan atau nanti perubahan nak pindah ke sini ok macam yang akan datang ni pun Sepadar akan pindah ke sini. Benda tu sebenarnya perlu disimpan dokumen-dokumen tu untuk kita tengok sebenarnya apa yang kita kena buat setiap kali kita pindah, setiap kali kita ada macam ada pegawai baru, jadi benda-benda macam tu kita apa ni orang kata catat dia sebagai satu sebagai sejarah satu lagi sebagai panduanlah. Dia akan jadi dokumen yang nak direfer untuk next time.

**Harianti:**

Pada pendapat Puan Azzah apakah pencapaian perpustakaan yang boleh diklasifikasikan sebagai pencapaian yang mempunyai nilai sejarah

**Pn Nor Azzah:**

Pencapaiannya aa yang first saya rasa bila mungkin sejarah walaupun apa ni walaupun dia sekarang kita ni kan macam bila kita ada system VIRTUA tu sendiri dah saya rasa dia jadi satu sejarah sebab kita gunakan dia untuk Bahasa Arab kan jadi tak banyak VIRTUA dalam sebab kita guna tag 880 benda tu sebenarnya dari sudut VTLs sendiri banyak yang

dia kena dia agak kena adjust jugak la bila untuk USIM sebab walaupun U lain ada yang guna VTLS guna VIRTUA tapi dia orang tak guna fully Bahasa Arab tu. Jadi kita pakai. Lepas tu bila kita ada untuk kita punya library sendiri sebagai satu sejarah bila kita ada sistem keselamatan, kita ada bookdrop yang first kan. Lepas tu aa yang lain sejarah dari sudut aaa actually penubuhan perpustakaan dekat Bangi untuk FST punya tu pun sebenarnya satu sejarah jugak dan saya rasa kita tak ada satu gambar perpustakaan kita masa dekat Bangi. Aa rasanya tu kita kena cari jugak lah. Aa masa tu Lili seorang kat sana dan kita memang ada time kita akan pergi sana tengok apa masalah sebab ada yang komen library tak dibuka lagi apa semua kan. Sebab kita punya staf seorang masa tu. So kalau dia bercuti kita jadi masalah sikitlah. Lepas tu bila kita start ada perpustakaan perubahan dengan Sepadar dekat apa ni masa tu kita dekat blok sebelah kan so kita start pilih apa bahan yang perlu di pindahkan ke sebelah. Tu pun start bukak cawangan-cawangan baru tu sebenarnya satu sejarah jugak la. Dan especially bila kita pindah ke bangunan baru ni aa memang yang tu memang satu sejarah yang agak besarla dalam kita punya perpustakaan. Tapi masa tu saya rasa kita dah start kita dokumenkan apa semua dan saya rasa satu yang mungkin kita perlu dokumenkan betul-betul pembinaan bangunan perpustakaan tu sendiri. Dan bangunan tu macamana daripada kosong aa apa ni tanah yang kosong lepas tu dia start bangunkan sikit-sikit tu saya rasa memang tu sejarah yang memang kita kena simpan elok-elok la. Baru kita boleh tengok macam mana dan minit-minit perbincangan kita apa yang diubah, macam mana kita boleh macam mana ada bentuk arabes dekat lobi tu kan. Aa kalau nak ingat balik macam mana dia

punya drawing-drawing dia apa semua. Berapa kali ubah sampai Encik Jasmin sendiri pun kita orang memang duduk keliling meja mintak arkitek tu aa sikit sikit sikit tukar kan sampai last-last aa kita pilih itu bentuknya. Jadi macam pada saya kadang-kadang macam even pemilihan kerusi warna apa colour apa kenapa kita pilih colour-colour tertentu semua tu semua ada disebalik tu ada benda apa ni ada yang kita pertimbangkan. Aa kenapa colournya nak purple kan. Kenapa bukan kita pilih warna biru. Jadi bila ada orang pertikaikan sebelum tu sebenarnya kita ada sebab kenapa kita pilih. Jadi pada saya orang-orang yang tak terlibat dengan pemilihan tu mungkin aaa kalau nak pertikai pun kena tau apa disebalik itulah. Itu antara yang sejarah yang besar kita dan rasa yang the latest one bila kita ada Imtiyaz ada Digital Document, benda to sebenarnya besar sebab tu memang antara objektif kita untuk jadi perpustakaan digital tapi aa cara kita mungkin tak nampak kan benda tu besar. Benda tu something yang sebenarnya penting. Aaa untuk university sendiri pun sebenarnya penting. Saya rasa yang tu jelah mungkin ada yang saya tertinggal wallahuaalam la. 37:51

**Harianti:**

Sebagai seorang pustakawan yang berpengalaman apakah nasihat atau pandangan Puan Azzah kepada pustakawan-pustakawan baru yang mungkin baru melibatkan diri dalam dunia kepustakawanan ni.

**Pn Nor Azzah:**

Ok. Aaa satu kena memang sayang la. Sayang dengan kerjaya pustakawan tu sendiri. Sebenarnya kerjaya pustakawan tu sebenarnya apa. Saya rasa aa daripada

awal sebab saya actually saya buat degree di UIA dulu bidang saya dakwah dan komunikasi. So actually yang saya fikirkan bila saya ramai yang cakap saya switch bidang daripada Islamic Revealed Knowledge kepada bidang library. Perpustakaan. Yang macam tak ada kaitan. Orang lain jadi ustazah. Semua orang keluar jadi cikgu jadi ustazah tapi saya keluar pergi ke UiTM ambil bidang library science. Masa tu yang saya terfikir orang nak berdakwah tapi orang tak tahu nak cari bahan kat mana. Sebab aa kebanyakan aa saya masa tu pandangan saya lah aa ustaz-ustaz cuma akan refer mana bahan yang dia ada. Macam tu aje. Sedangkan kita ada banyak bahan lagi kita tak gali dan kebanyakan maklumat yang orang nak sampaikan untuk dakwah tu dia orang tak susun secara baik pun. Sebab aa bersepah. Sebab saya banyak terlibat dengan program orang asli , program dakwah pada apa ni orang-orang cacat, orang buta apa semua jadi benda tu pada saya, saya sendiri born as librarian sebab memang kat rumah dari kecil ada perpustakaan sendiri kat rumah. Memang setiap kali ada pesta buku dekat Melaka memang akan pergi. Abah akan bagi duit itu semua. Lepas tu bila saya dekat Universiti pun saya ada perpustakaan saya sendiri. Saya beli buku banyak-banyak. Buku murah-murah la dekat Dewan Pustaka. Bila dia orang buat jualan gudang memang saya akan borong banyak-banyak. So saya ada perpustakaan saya sendiri, ada number saya sendiri. Rekod siapa pinjam, siapa pulang. Itu memang saya rasa memang jiwa saya itu jiwa untuk jadi pustakawan lah. Jadi bila saya pindah bidang yang penting memang orang kata kita suka dengan bidang tu, saya suka membaca. Aaa dan saya nak orang tau apa yang saya baca. Orang tau sebenarnya ada banyak ilmu lagi. Sebab kita memang kalau dalam Islam

pun, dalam Quran pun sebut, ilmu yang kita ada tu cuma setitik daripada lautan yang luas. Jadi kalau kita rasa kita dah pandai, sebenarnya banyak lagi yang kita tak tahu dan cikgu matematik saya pernah sebut, kalau kita periksa tu kita cuma nak uji kat mana lagi kita bodoh. Aa bukannya nak uji sejauh mana kita pandai kat mana lagi yang kita bodoh. Jadi bila jadi macam tu banyak sebenarnya lagi yang kita tak tahu. So setiap kali selepas periksa saya akan rujuk balik apa semualah. Jadi saya rasa untuk kalau pustakawan yang baru yang baru nak orang kata baru nak pilih bidang ni kea pa rasa elok kena tengok dulu lah nak jadi pustakawan sebab apa. Memang pilih bidang tu sebab tak ada bidang lain yang sesuai ke. Orang kata last choice kan. Kalau dulu last choice. Aaa orang kata dah bidang lain semua tak boleh nak pergi. Aaa so pergi kat tu agak general. So pergi. Pastu jadi pustakawan tu orang kata just ok buat tugas-tugas rutin proses buku, cop buku apa semua. Bukannya tugasnya tu untuk sebarkan ilmu sebab sepatutnya dalam hati kita kalau pernah dengar Dato Sahul NC UiTM sekarang cakap pustakawan itu adalah ulama sebab dia tahu kat mana ada ilmu dan sebenarnya dia sendiri boleh sebarkan ilmu. So kalau dalam diri kita sendiri tak rasa macam tu payahlah. Jadi saya tak nampak la kenapa macam orang tak minat nak baca buku sebab sebenarnya ada buku untuk setiap orang. Aa apa ni saya tak ingat apa terms nya maksudnya macam setiap sorang tu ada buku sebenarnya untuk dia. Aa mungkin ada orang macam saya suka buku corak novel corak motivasi tapi cik Ati mungkin suka buku yang novel tapi cinta-cinta. Lepas itu macam orang lain mungkin ada macam kalau anak saya suka buku cerita tapi bentuk komik. Aa jadi ada orang suka macamtu. Ada orang memang suka buku-buku yang berat-

berat. Buku-buku pemikiran tentang macam-macam pemikiran Mahathir. Macam-macam pemikiran Einstein. Setiap orang sebenarnya ada buku khusus untuk dia. Kalau paling teruk pun mungkin orang tu suka baca buku-buku apa ni hiburan yang memang ntah apa-apa tu kan. Aa jadi tapi setiap seorang sebenarnya memang ada buku untuk dia. Dan benda tu sebenarnya tugas pustakawan untuk sampaikan aa buku apa dia nak mesti ada buku dia. Jadi bila kalau student kata macam sekarang tak ada buku sebenarnya mesti ada buku untuk dia. Dan kita mesti usaha macam kita kerja dekat perpustakaan aa perpustakaan akademik kita mesti usaha untuk dapatkan apa yang dia nak sebab kita actually beli banyak buku semuanya yang related dengan bidang dia. Kita tak pernahlah beli buku yang memang kita rasa actually buku ni sebenarnya dah tak ada tak laku orang lain tak nak beli so kita beli, tak pernah. Sebab kita akan tengok dia ada nilai macam kat USIM lagilah memang pensyarah yang akan pilih buku tu so takkan pensyarah pilih buku yang merapu kan. Memang semua penting so setiap pustakawan sama ada dia pilih secara tak sengaja aa dia dah terpaksa jadi pustakawan tapi bila dia dah dilantik jadi pustakawan tanggungjawab dia kat situ ada. Dan dia mesti rasa benda tu dan dia mesti kalau tak jalan maknanya dia dapat gaji tu gaji buta. Aa so tanggungjawabnya ada kat situ. Dan dia mesti sedar sebenarnya tu. Yang tu saya rasa macamtu lah.

**Haranti:**

Soalan terakhir. Apakah harapan Puan terhadap perpustakaan USIM pada masa akan datang.

**Pn Nor Azzah:**

Ok. Kalau harapan saya saya memang nak kalau boleh perpustakaan USIM jadi the best dalam ni lah. Ok kalau ikut kita punya objektif pun kita nak jadi perpustakaan Islam yang sediakan pangkalan data Islam yang memang jadi pusat rujukan bahan-bahan Islam. Bukan kat Malaysia sahaja tapi diperingkat antarabangsa. Tapi untuk tujuan tu memang kita kena orang kata struggle very hard. Memang nampak macam impossible. Kita baru 10 tahun. So kalau macam Universiti Malaya boleh jadi macam tu perpustakaan UTM yang dah lama boleh jadi macam yang dia ada sekarang perpustakaan terbaik apa semua. Rasa kita pun boleh jadi macam tu tapi kena bersatu hatilah. Jadi yang saya harapkan semua pustakawan dalam USIM perpustakaan USIM ni sendiri sama-sama bersatu, kita nak capai apa, jadi matlamatnya sama. So dia punya usaha tu kearah yang sama walaupun dengan cara yang berbeza dan satu hari nanti memang kita akan capai jadi perpustakaan yang jadi pusat rujukan utama terutama untuk rujukan berkaitan Islam lah. Jadi saya rasa kita dah mula lah tahun ni pergi Cairo beli buku-buku yang berkaitan dan saya rasa kiat memang kena kerjasama dengan bahagian lain penerbitan apa semua untuk terbitkan lagi banyak lagi buk-buku berkaitan Islam . Dan kita untuk pensyarah menulis kitalah yang kena salurkan apa maklumat yang boleh jadi bahan-bahan untuk dia orang tulis. Jadi kalau kita bantu benda tu akan jadi mudahlah. Jadi peranan kita ada kat situ. Dan saya hope bukan dalam waktu terdekat la dalam 5 tahun mungkin susah kita nak capai mungkin lagi 50 tahun ke atau pun kita akan capai jugak yang tu, cuma cara sikit-sikit kita kearah tu sekarang. Saya rasa yang tu jugak yang En. Jasmin nak pun kan, dan kita pun nak macam tu. Jadi antara yang gah lah.

Kita pun dah mula sebelum ni kita jadi pengerusi untuk kumpulan perpustakaan Islam. So kita dah start kat situ sebenarnya. Mungkin lah kena orang kata menampak lebih laju kea atau berlari lah sebenarnya sebab kita tak boleh jalan secara biasa sebab orang lain dah jauh kedepan. So kita mungkin kena lari tu dah kena pecut bukan setakat merentas desa lah. Hopefully tercapai la.

**Harianti:** Ok. Terima kasih Pn.Azzah diatas kerjasama dan sudi berkongsi pengalaman dan kisah-kisah bersama.

**Pn Nor Azzah:** Terima kasih banyak.

TAMAT

**Copyright © 2014 Unit Pengurusan Ilmu, Perpustakaan USIM**